

BERITA HARIAN

MINDA PENGARANG

Pembaziran Yayasan Selangor rugikan rakyat miskin, luar bandar

KEPUTUSAN Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah membatalkan hasrat ke majlis sambutan ulang tahun ke-40 Yayasan Selangor di Asrama Tun Dr Ismail, Kampung Pandan, mendedahkan kepingangan yang membelenggu yayasan itu. Isu penganjuran majlis berkenaan yang didakwa mencecah RM800,000 bukannya RM300,000 seperti dilaporkan sebelum ini membuktikan ia satu pembaziran dan tidak mendatangkan faedah kepada rakyat. Padahal, fungsi utama yayasan itu selaku badan kebajikan kerajaan negeri ialah membantu pelajar miskin dari luar bandar untuk maju dalam pelajaran. Satu lagi isu yang didedahkan ialah berhubung kos pertandingan memancing yang didakwa menelan belanja sehingga RM179,000, walaupun peserta dikenakan bayaran RM50 seorang. Tidak mustahil akan ada lagi cerita baru mengenai yayasan itu. Kita percaya tentunya ada pihak yang berusaha menyembunyikan salah guna kuasa serta penyelewengan daripada terus didedahkan kepada umum. Berikutan desakan bekas Pengurus Besar Yayasan Selangor, Takril Tasuki, semalam Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mula menyasiat pendedahan berkenaan. Ia memberi gambaran kehendak majoriti orang Melayu yang bimbang dengan masa depan organisasi itu, apatah lagi ia memabitkan dana pendidikan untuk keluarga miskin dan kurang berkemampuan. Desakan Takril itu sudah tentu ada asasnya sebagai orang lama yang pernah memimpin organisasi itu. Beliau tentunya bimbang dana RM80 juta yang ditinggalkan ketika bersara lapan bulan lalu disalah guna pihak tertentu. Ketelusan kerajaan negeri pimpinan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, selaku Pengerusi Yayasan Selangor amat dipelukan, termasuk bersedia mendedahkan transaksi keluar-masuk wang daripada akaun yayasan jika diminta SPRM bagi mengelak perasaan curiga di kalangan rakyat.

Pada masa sama, Menteri Besar Selangor juga wajar memberi penjelasan, termasuk dakwaan pertambahan kos penganjuran majlis ulang tahun yayasan itu kepada RM800,000. Sebagai pemegang dana pendidikan, khususnya biasiswa pelajar Melayu, Yayasan Selangor perlu melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah. Pihak pengurusan mesti bijak memberi keutamaan bagi setiap sen wang dibelanjakan. Kita faham kenapa Sultan Sharafuddin murka apabila mendapat tahu mengenai kos penganjuran yang begitu tinggi, selain dilihat baginda sebagai membazir dan tidak berfaedah. Keputusan baginda adalah tepat kerana sepatutnya wang itu dibelanjakan kepada perkara lebih berfaedah seperti membantu pelajar miskin atau melakukan aktiviti kebajikan untuk rakyat. Ia lebih menepati dengan visi, misi serta objektif Yayasan Selangor iaitu membantu pelajar miskin meneruskan pengajian ke peringkat menengah dan tinggi. Kita berharap tindakan SPRM menyasiat Yayasan Selangor tidak dipolitikkan oleh pembangkang, termasuk menuduh UMNO mendalangi isu berkenaan. Bagi membantu siasatan, pihak yang mempunyai maklumat patut tampil membuat aduan kepada SPRM atau polis bagi memastikan mereka yang terbabit dibawa ke muka pengadilan. Pengurusan Yayasan Selangor perlu bersikap terbuka dan memberi kerjasama penuh dalam siasatan ini, apatah lagi kerajaan negeri di bawah pimpinan Abdul Khalid mempunyai Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SEL-CAT), yang berfungsi mengadakan sesi pendengaran awam terhadap sebarang tuduhan penyelewengan di Selangor.

SIDANG REDAKSI

- PENGARANG URUSAN KUMPULAN NSTP: **Datuk Zainul Arifin Mohammed Isa**
- PENGARANG KUMPULAN BHSS: **Datuk Mior Kamarul Shahid**
- TIMBALAN PENGARANG KUMPULAN BHSS: **Mahfar Ali**
- PENGARANG EKSEKUTIF BERITA: **Norhayati Md Said**
- PENGARANG EKSEKUTIF PENGELUARAN: **Abdul Razak Raffis**
- PENGARANG EKSEKUTIF RENCANA: **Zainor Said**

Berita Harian diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur. Tel: 03 2282 2323 | Faks: 03 2282 2425 | Laman web: www.bharian.com.my | E-mel: bh@bharian.com.my

Shamrahayu A Aziz



Common law sekat hakim lebih kreatif

Prinsip Islam, adat boleh jadi panduan buat tafsiran undang-undang

PASTINYA semua pihak mengharapkan sistem undang-undang negara mencapai tahap kematangan dengan pembinaan sumber rujukan tersendiri berasaskan kemahuan dan sistem masyarakat negara ini.

Oleh itu, proses mencari identiti sistem undang-undang yang tersendiri perlu berterusan. Dalam ruangan ini minggu lalu saya syorkan supaya sistem undang-undang Malaysia mesti bebas daripada legasi British.

Saya menyebut bahawa Akta Undang-Undang Sivil 1956 (disek 1972) yang membenarkan mahkamah merujuk dan seterusnya menerima pakai common law Inggeris perlu disemak semula dengan niat memansukannya.

Walau apa pun niat British yang memperluaskan pemakaian Akta Undang-Undang sivil ini setahun sebelum kita mencapai kemerdekaan, ia amat memberi kesan ke atas sistem undang-undang kita.

Common law Inggeris adalah istilah yang digunakan kepada undang-undang dibuat oleh hakim di Mahkamah British melalui keputusannya. Common law ini bukan tafsiran kepada undang-undang bertulis. Ia adalah keputusan hakim berdasarkan agama, moral dan amalan setempat.

Syor mengenai pemansuhan akta ini saya kemukakan kerana rujukan dan keterikatan dengan common law Inggeris amat tidak sesuai dalam pembinaan jati diri atau keperibadian undang-undang.

Menurut peruntukan Akta Undang-Undang Sivil 1956, common law yang menjadi ikatan kepada Malaysia ialah common law yang digunakan di England sebelum 7 April 1956 bagi Semenanjung Malaysia, 1 Disember 1951 bagi Sabah dan 12 Disember 1949 bagi Sarawak.

Kita menyaksikan banyak common law Inggeris yang telah dimansuhkan kedudukannya oleh statut atau undang-undang bertulis di England. Malangnya apa juga perkembangan undang-undang di England selepas tarikh yang disebut tidak memberi kesan ke atas sistem undang-undang kita kerana tarikh potong yang saya sebutkan.

Seperti yang diulas minggu lalu, keadaan ini menjadikan undang-undang yang perlu kita rujuk ketinggalan zaman. Mungkin ada yang berujah bahawa common law Inggeris ini tidak mengikat hakim di negara ini. Hujah ini mungkin benar. Namun, membenarkan rujukan kepada undang-undang itu secara prinsipnya boleh memberi kesan psikologi mengenai keterikatan kita kepada penjajah, bukan saja kepada hakim, pengamal undang-undang dan pelajar undang-undang, tetapi juga orang awam.

Ia juga boleh menyekat hakim di negara ini untuk lebih kreatif dan menghargai sumber undang-undang yang telah sedia wujud di negara kita.

Secara amalnya keberagantungan kepada common law Inggeris ini tidak begitu ketara di kalangan hakim. Sebenarnya penerimaan dan pemakaian common law Inggeris di negara ini juga

adalah sesuatu yang menyukarkan bagi semua pihak. Kesukaran ini diperakui hakim Inggeris sendiri sejak dulu lagi, seperti Hakim Maxwell dalam kes Chulast lwn Kolson (1867).

Oleh itu, kelangsungan Akta Undang-Undang Sivil ini tidak memberikan kebaikan kepada sistem undang-undang kita dan ia sebenarnya sentiasa menghantui sistem kita.

Sekiranya pemakaian common law Inggeris ini dimansuhkan, hakim di Mahkamah Sivil boleh menjadikan prinsip agama, terutama Islam dan undang-undang adat sebagai panduan dalam membuat tafsiran dan mencari penyelesaian kepada kekosongan di dalam undang-undang.

Kedua-dua ini (agama dan adat) bukan saja lebih dekat dengan masyarakat kita, tetapi juga diiktiraf Perlembagaan Persekutuan sebagai sebahagian daripada sistem undang-undang negara.

“ Undang-undang Islam sentiasa mementingkan keadilan kepada semua. Ia juga tidak pernah mengiktiraf sesuatu yang akan mendatangkan keburukan kepada masyarakat”

“ Kita sebenarnya tidak boleh menafikan pengaruh garis panduan berlandaskan agama Islam dalam sistem undang-undang negara. Ia sudah akar umbi kepada sistem kita. Pengaruhnya amat jelas dan prinsipnya amat ketara”

Seperti yang kita maklum, Islam adalah agama bagi Persekutuan dan ia agama bagi majoriti masyarakat. Undang-undang adat pula adalah sebahagian daripada maksud perkataan undang-undang yang disebut dalam Perkar 160(2) Perlembagaan Persekutuan.

Rakan-rakan masyarakat bukan Islam tidak perlu gusar mengenai cadangan ini. Undang-undang Islam sentiasa mementingkan keadilan kepada semua. Ia juga tidak pernah mengiktiraf sesuatu yang akan mendatangkan keburukan kepada masyarakat.

Selain itu, kita sebenarnya tidak boleh menafikan pengaruh garis panduan berlandaskan agama Islam dalam sistem undang-undang negara. Ia sudah akar umbi kepada sistem kita. Pengaruhnya amat jelas dan prinsipnya amat ketara.

Sebagai contoh, prinsip undang-undang jenayah Islam mendapat tempat dalam Kanun Keseksaan. Perbuatan sumbang mahram contohnya, sudah sekian lama wujud dalam undang-undang Islam, tetapi pada asalnya tidak ada dalam Kanun Keseksaan. Menerusi pindaan pada 2002, Seksyen 376a dan 376b berkaitan definisi dan hukuman kepada kesalahan sumbang mahram dimasukkan ke dalam Kanun Keseksaan. Peruntukan ini mendapat sokongan daripada semua pihak kerana perbuatan itu sangat teruk.

Sehubungan itu, ramai ahli akademik, termasuk Allahyarham Prof Ahmad Ibrahim sudah lama menyarankan supaya Malaysia membina sistem undang-undang atau common law yang tersendiri. Ahli akademik mencadangkan supaya prinsip agama, adat dan amalan sebagai rujukan. Walaupun secara akademik, istilah 'common law' ini mungkin tidak begitu tepat kerana kita mempunyai undang-undang bertulis dan tugas mahkamah hanyalah untuk mentafsir undang-undang, bukan membuat undang-undang, namun, apa yang lebih penting ialah semangatnya - iaitu semangat menjadikan sistem undang-undang negara ini sebagai sistem yang mempunyai keberibadian tersendiri dengan mengambil perhatian kepada kehendak masyarakat dan amalan yang tersendiri tanpa terikat kepada sistem lain seumpama common law yang ketinggalan zaman.

Penulis ialah Penolong Profesor Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, UIAM

Cakap-cakap

BUDAYA samseng dalam pergerakan wanita Parti Keadilan Rakyat (PKR) apabila calon Ketua Wanitaanya Dr Suraya Sudin mengatakan beliau menerima aduan mengenai sikap buruk mereka. Penyokongnya mengadu mereka menerima ugutan jika terus menyatakan sokongan terhadap Dr Suraya. Inilah akibatnya jika pimpinan parti meneghar ahlinya bersikap kasar dan kurang ajar.

Mamat - inilah akibatnya kalau guru kencing berdiri



Mamat